

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.11.2014**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan respon kerajaan terhadap kritikan Tun Dr. Mahathir berhubung 1MDB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1MDB adalah sebuah syarikat pembangunan strategik milik penuh Kerajaan dan bukanlah sebuah syarikat yang mewakili Dana Kekayaan Negara atau (dengan izin) *Sovereign Wealth Fund*. Walau bagaimanapun,

tidak seperti dana kekayaan negara yang dibiayai dan bertindak sebagai badan pelaburan Kerajaan, 1MDB menjana dan melabur dana sendiri.

1MDB hanya pernah menerima RM1 juta dalam bentuk ekuiti daripada Kerajaan, yang telah pun digunakan secara baik untuk membina perniagaan kukuh yang menghasilkan keuntungan dan membantu untuk memacu pertumbuhan ekonomi dalam negara.